

23/10/2000

Negara mampu lahirkan pelumba F1

Kadir Dikoh

SEPANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia mampu melahirkan pelumba Formula Satu (F1) suatu hari nanti jika anak tempatan diberi latihan sejak awal.

"Kita latih mereka dari peringkat go-kart. Kena mula go-kart dulu, baru meningkat. Ia mungkin mengambil masa tetapi kita kena mula awal. Ini bukan sesuatu yang mustahil," kata Perdana Menteri.

Beliau menyuarakan keyakinan itu dalam sidang akhbar selepas menyaksikan pusingan ke-17 dan terakhir F1 musim ini di Litar Sepang di sini, petang ini.

Pada masa ini, negara melalui Petronas diwakili Mika Salo dari Finland dan Pedro Diniz (Brazil) dalam pasukan Red Bull Sauber-Petronas yang cuma menduduki tempat ke-8 hari ini dengan semua enam mata dipungut oleh Salo, yang buat kali pertama menguji Litar Sepang.

Dalam perlumbaan hari ini, juara dunia Michael Schumacher membuktikan keunggulannya apabila mengalahkan pemandu McLaren, David Coulthard di tempat kedua dengan sembilan rekod kemenangan musim ini.

Dr Mahathir tetap menyifatkan perlumbaan pusingan terakhir tahun ini di Litar Sepang sebagai menarik walaupun Schumacher sudah memenangi kejuaraan dunia di Suzuka, baru-baru ini.

Beliau berharap perlumbaan F1 akan terus kekal di Malaysia dan akan ada lebih banyak lagi perlumbaan antarabangsa diadakan di Litar Sepang seperti Japan GT Race yang dikendalikan di sini tahun ini.

Daripada segi penganjuran, Perdana Menteri berkata Sepang International Circuit (SIC) sudah melakukan tugas yang lebih baik manakala penonton mempunyai ruang lebih selesa dengan penambahan tempat duduk berbumbung.

Ditanya kemungkinan SIC menghadapi kesukaran menganjurkan perlumbaan pusingan kedua GP pada Mac depan kerana ia akan dilangsungkan lebih awal iaitu dalam tempoh lima bulan saja lagi, Dr Mahathir berkata beliau yakin Malaysia akan mampu melakukannya.

"Mereka (SIC) ada pengalaman, dulu pening sedikit dan saya tak yakin...(Tan Sri) Basir (Ismail, pengerusi SIC) lulus dengan cemerlang," katanya.

Mengenai laporan majalah Auto Week keluaran 16 Oktober lalu kononnya akan berlaku demonstrasi oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Grand Prix di Sepang itu, Dr Mahathir berkata itu semua pembongkaran.

"Mereka boleh kata apa mereka hendak. Semua bohong...kita tahu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut ditemui selepas menyaksikan perlumbaan itu berkata, beliau amat kagum dengan sambutan yang begitu hangat sekali.

"Saya berpuas hati dengan sambutan ini. Malah perlumbaan itu sendiri menguntungkan dari segi kedatangan pelancong ke Malaysia," katanya.

Terdahulu, sebelum perlumbaan bermula Dr Mahathir merasmikan Grand Prix Petronas Malaysia kali kedua itu.

Dalam upacara gilang gemilang dan penuh warna warni itu, Perdana Menteri memukul gong di atas pelantar khas dekat kawasan tempat duduk utama sebagai tanda perasmian.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang bertanggungjawab meletakkan Malaysia antara negara penganjur perlumbaan itu, mengetuai perarakan semua 22 pemandu F1 dalam kereta vintaj mengelilingi litar sejauh 5.543 kilometer.

Beliau yang diiringi Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun

Hussein dan Basir juga meninjau suasana di pit.

Upacara perasmian turut dihadiri Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Abdullah, menteri kabinet dan tokoh korporat.

Lebih 90,000 peminat termasuk dari luar negara berada di litar itu untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan, perarakan bendera, kecekapan kawad pasukan tentera serta pertunjukan udara oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

Satu perlumbaan 10 pusingan membabitkan Proton Satria Gti diadakan sebagai pembuka tirai. Perlumbaan F1 di sini disiarkan secara langsung ke 130 negara.

(END)